



Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 3, Blok E8
Kompleks Pejabat Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan
62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-8884 6149
Faks : 03-8884 6146

Ruj. Kami : KP(BPPDP)/S700/079
Jld. 2 (23)
Tarikh : 12 Jun 2013

Semua Pengarah/Setiausaha Bahagian
Semua Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri
Semua Pengarah IPG Kampus
Semua Pegawai Pendidikan Daerah

YBhg Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 14 TAHUN 2013**

**GARIS PANDUAN PEMBENTANGAN KERTAS ILMIAH PERINGKAT
ANTARABANGSA DI DALAM ATAU LUAR NEGARA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat mengalu-alukan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Pegawai Guna Sama dan Pegawai Kader KPM yang ingin membenteng kertas ilmiah peringkat antarabangsa di dalam atau luar negara. Pembentangan kertas ilmiah ini membolehkan perkongsian ilmu, amalan terbaik dan penemuan baru dalam bidang pendidikan serta dapat mewujudkan jalinan kepakaran bagi meningkatkan imej negara.

3. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pembangunan Staf (JIPS) Bil 3/2012. KPM bertarikh 11 Oktober 2012 telah meluluskan Garis Panduan Pembentangan Kertas Ilmiah Peringkat Antarabangsa Di Dalam atau Luar Negara bagi PPP, Pegawai Guna Sama dan Pegawai Kader KPM

4 Surat siaran ini bertujuan memaklumkan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh PPP, Pegawai Guna Sama dan Pegawai Kader KPM yang berhasrat untuk membuat pembentangan kertas ilmiah peringkat antarabangsa sama ada di dalam atau di luar negara

5 Sehubungan dengan itu, pegawai yang hendak membenteng kertas ilmiah perlu mengemukakan permohonan kepada urus setia di Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) untuk penilaian dan kelulusan Jawatankuasa Kawalan Kualiti Kertas Ilmiah (JKKKI)

6. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pembentangan Kertas Ilmiah Peringkat Antarabangsa di Dalam atau Luar Negara untuk makluman dan tindakan YBhg Dato'/Tuan/Puan.

7. YBhg Dato'/Tuan/Puan dipohon memberi kerjasama untuk memastikan garis panduan ini dipatuhi sepenuhnya oleh semua PPP, Pegawai Guna Sama dan Pegawai Kader KPM di bawah seliaan YBhg Dato'/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK Dr. AMIN BIN SENIN)

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

sk.:

1. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YAB Menteri Pendidikan
2. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YAB Menteri Pendidikan II
3. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YB Timbalan Menteri Pendidikan I
4. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YB Timbalan Menteri Pendidikan II
5. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia II
7. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
8. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Operasi)
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Profesionalisme Keguruan)
Kementerian Pendidikan Malaysia
12. Rektor IPGM
Kementerian Pendidikan Malaysia
13. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia

GARIS PANDUAN PEMBENTANGAN KERTAS ILMIAH PERINGKAT ANTARABANGSA DI DALAM ATAU LUAR NEGARA

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada pegawai untuk mendapatkan kelulusan membentangkan kertas ilmiah dalam persidangan peringkat antarabangsa di dalam atau luar negara.

2. KRITERIA KERTAS ILMIAH

2.1 Kertas ilmiah yang perlu dikemukakan untuk kelulusan adalah kertas yang akan dibentangkan dalam persidangan antarabangsa sama ada yang dianjurkan oleh pihak luar negara ataupun dalam negara.

2.2 Kertas ilmiah meliputi perkara berikut:

- i. menggunakan nama penyelidik sebagai warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
- ii. implikasi kertas ilmiah terhadap dasar dan sistem pendidikan negara;
- iii. kepentingan kertas ilmiah dalam memperkenalkan negara pada peringkat antarabangsa;
- iv. dapatan kajian yang boleh dipelajari atau amalan terbaik;
- v. kertas ilmiah yang boleh mencetuskan kreativiti dan inovasi.
- vi. kertas ilmiah tidak mempunyai unsur sensitif yang memberi persepsi atau kesan negatif kepada negara; dan
- vii. kertas ilmiah memenuhi keperluan objektif dan matlamat penganjur.

2.3 Bidang keutamaan untuk pembentangan kertas ilmiah meliputi aspek pendidikan, pengurusan sumber manusia, kewangan, pembangunan dan lain-lain mengikut kepakaran pemohon dan skop tugas di KPM

3. PERMOHONAN PEMBENTANGAN KERTAS ILMIAH DI DALAM ATAU LUAR NEGARA

- 3.1 Semua pegawai layak memohon untuk dipertimbangkan bagi pembentangan kertas ilmiah di dalam atau luar negara.
- 3.2 Semua pegawai yang layak diberikan kebenaran sebagai menjalankan tugas rasmi bagi menghadiri pembentangan kertas ilmiah di dalam negara jika mendapat kelulusan Ketua Jabatan.
- 3.3 Semua pegawai yang layak diberikan kebenaran sebagai menjalankan tugas rasmi bagi menghadiri pembentangan kertas ilmiah di luar negara jika mendapat kelulusan Ketua Jabatan, Ketua Perkhidmatan dan Pegawai Pengawal.
- 3.4 Pegawai boleh dipertimbangkan bagi menghadiri pembentangan kertas ilmiah tanpa pembiayaan KPM atau dengan sumber luar tertakluk kepada peraturan kewangan yang ditetapkan.
- 3.5 Pegawai cuti belajar di dalam atau luar negara boleh dipertimbangkan untuk menghadiri persidangan bagi pembentangan kertas ilmiah sekiranya didapati memberi manfaat kepada KPM.
- 3.6 Bagi pembentangan kertas ilmiah yang disediakan secara berkumpulan, hanya seorang sahaja boleh diluluskan permohonan menggunakan pembiayaan KPM. Penulis bersama (*co-writer*) boleh dipertimbangkan untuk menghadiri persidangan sekiranya terdapat peruntukan atau menggunakan pembiayaan sendiri.
- 3.7 Rayuan bagi permohonan pembiayaan adalah tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal.

4. KELULUSAN PERMOHONAN

- 4.1 Pegawai terlebih dahulu perlu mendapat kebenaran daripada Ketua Jabatan bagi pembentangan kertas ilmiah di dalam dan luar negara.

- 4.2 Pegawai perlu mengemukakan kertas ilmiah sekurang-kurangnya 30 hari bekerja sebelum tarikh persidangan kepada Jawatankuasa Kawalan Kualiti Kertas Ilmiah (JKKKI) bagi mendapat kelulusan.
- 4.3 Surat kelulusan pembentangan kertas ilmiah perlu dilampirkan bersama borang permohonan kelulusan ke luar negara untuk pertimbangan Pegawai Pengawal.


5. IMPLIKASI PERUNDANGAN

- 5.1 Pegawai perlu mempunyai integriti dan akauntabiliti terhadap data dan maklumat dalam kertas ilmiah yang dibentangkan.
- 5.2 Kertas ilmiah yang mendapat kelulusan pembentangan berkaitan pendidikan atas pembiayaan KPM atau persendirian akan menjadi hak milik KPM.
- 5.3 KPM tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang isu berbangkit daripada kertas ilmiah yang dibentangkan tanpa kelulusan. Tindakan tatatertib dan/atau undang-undang akan dikenakan ke atas pegawai sekiranya hasil pembentangan membawa implikasi negatif kepada negara dan KPM.

6. PERTIMBANGAN KELULUSAN PEMBENTANGAN KE LUAR NEGARA

Pertimbangan dan kelulusan Pegawai Pengawal bagi permohonan pembentangan kertas ilmiah di luar negara adalah selaras dengan Pekeliling dan Peraturan yang berkuat kuasa berserta Garis Panduan Permohonan Bertugas di Luar Negara Bagi Semua Penjawat Awam di KPM

CARTA ALIRAN KERJA
PERMOHONAN KELULUSAN PEMBENTANGAN KERTAS ILMIAH
PERINGKAT ANTARABANGSA DI DALAM ATAU LUAR NEGARA



Ketua Jabatan menerima surat jemputan untuk pegawai membenteng kertas ilmiah.

Ketua Jabatan meluluskan permohonan pegawai untuk membenteng kertas ilmiah.

Kertas ilmiah dikemukakan kepada penyelaras Jawatankuasa Kawalan Kualiti Kertas Ilmiah (JKKKI) untuk mendapat kelulusan 30 hari sebelum tarikh persidangan.

JKKKI bersidang untuk meneliti kertas ilmiah menepati garis panduan yang telah ditetapkan.

Penyelaras JKKKI menghantar kelulusan pembentangan kertas ilmiah di dalam atau luar negara.


Pegawai pembenteng kertas ilmiah mengemukakan laporan kepada urus setia selepas 2 minggu menghadiri persidangan.

TATACARA PERMOHONAN AKTIVITI PPB


*Pembangunan
Profesionalisme
Berfonton.*

LAMPIRAN A


Tatacara memohon aktiviti PPB inisiatif sendiri seperti seminar, bengkel, persidangan, kursus dan lain-lain di dalam negara.




Tatacara memohon aktiviti PPB inisiatif sendiri seperti seminar, bengkel, persidangan, kursus dan lain-lain di luar negara



Tatacara memohon aktiviti PPB inisiatif KPM seperti seminar, bengkel, persidangan, kursus dan lain-lain di dalam negara



Tatacara memohon aktiviti PPB inisiatif Kendiri KPM seperti seminar, bengkel, persidangan, kursus dan lain-lain di luar negara



Tatacara memohon aktiviti PPB inisiatif Kendiri untuk membentangkan kertas ilmiah pada peringkat antarabangsa di dalam dan di luar negara

